



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
**Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya**
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

PERBADANAN PUTRAJAYA SERTAI JOHOR SMART CITY FORUM, KONGSI KEPAKARAN TANGANI ISU PERBANDARAN

PUTRAJAYA, 12 Jun 2023 – Perbadanan Putrajaya (PPj) sertai Johor Smart City Forum (JSCF) bertempat di Persada Johor International Convention Centre, Johor Bahru dari 12 hingga 14 Jun 2023.

Program yang dianjurkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Johor ini merupakan platform kepada agensi kerajaan dan swasta untuk berkongsi kepakaran dalam menangani isu dan cabaran perbandaran melalui pendekatan penyelesaian bandar pintar.

Pengalaman PPj dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif Bandar Pintar berdasarkan Putrajaya Smart City Blueprint menjadikan Putrajaya antara rujukan utama pelbagai pihak terutama pihak-pihak berkuasa tempatan di dalam dan luar negara. PPj telah dijemput untuk menyertai JSCF sebagai pempamer dan panel forum berkaitan integrasi data di *City Command Centre*. PPj turut mempamerkan Putrajaya Command Centre dan beberapa inisiatif-inisiatif Bandar Pintar lain sebagai komponen pameran di JSCF.

Penglibatan PPj di JSCF dijangka membuka ruang untuk memperluaskan rangkaian perhubungan dan kerjasama awam-swasta bagi memacu serta menambah baik pelaksanaan bandar pintar di Putrajaya. Selain itu, JSCF merupakan platform terbaik bagi membantu pelbagai pihak terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan di dalam memberikan idea dan kesedaran penggunaan elemen penyelesaian bandar pintar bagi mengatasi masalah perbandaran yang dihadapi.


(TPE. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK)

Pengarah Komunikasi Korporat

b.p. Presiden

Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 12 Jun 2023

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Puan Haryani binti Kaulan di talian 019-3831564